GENTALI (M) SDN. BHD.

lwn.

KAWASAKI SUNROCK SDN. BHD.

MAHKAMAH RAYUAN, KUALA LUMPUR
LAMIN MOHD YUNUS PMR
ABU MANSOR ALI HMR
AHMAD FAIRUZ SHEIKH ABD. HALIM HMR
[RAYUAN SIVIL NO. W-02-179-1996]
10 JULAI 1996

PROSEDUR SIVIL: *Perintah Mahkamah - Penggantungan pelaksanaan - Permohonan untuk menggantung pelaksanaan perintah dan prosiding sementara menunggu rayuan diputuskan - Samada perintah penggantungan boleh dan harus diberikan - Faktor untuk pertimbangan - Samada rayuan jika berjaya akan menjadi sia-sia.*

Melalui perjanjian bertarikh 1 Januari 1991, responden telah melantik perayu sebagai pengedar tunggal bagi motosikal-motosikal dan barang-barang ganti Kawasaki CBU kepunyaan responden. Perayu menuduh bahawa responden memungkiri perjanjian berkenaan, dan ekoran itu, telah menuntut ganti rugi berjumlah lebih dari RM6 juta dari responden. Sewaktu tuntutan ini dibuat, responden telah kehilangan perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 itu, dan oleh kerana itu responden secara bertulis meminta sesalinan perjanjian tersebut dari perayu bagi membolehkannya memfail pembelaan. Perayu tidak melayan permintaan responden. Berikutan itu, pada 8 November 1995, responden memasukkan Saman Dalam Kamar memohon perintah (i) supaya perayu memberikan kepada responden sesalinan perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 dan (ii) supaya dibenarkan memfail pembelaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian itu diterima.

Fakta bagaimanapun menunjukkan bahawa, sebelum Saman Dalam Kamar responden didengar, perayu telah memohon, dan memperolehi pada 16 November 1995, penghakiman ingkar bagi tuntutan gantiruginya. Walaupun begitu, pada 3 Januari 1996 Penolong Kanan Pendaftar (PKP) telah mendengar permohonan Saman Dalam Kamar responden dan berikut itu membenarkan kedua-dua perintah yang dipohon. Fakta menunjukkan juga bahawa, sewaktu pendengaran pada 3 Januari 1996 tersebut, responden telah juga memohon, secara lisan, supaya penghakiman ingkar diketepikan. Permohon lisan ini telah dibenarkan oleh PKP.

Perayu merayu terhadap keputusan PKP yang dibuat pada 3 Januari 1996 di atas, tetapi rayuan tersebut ditolak oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman

berikutan mana perayu merayu pula kepada Mahkamah Rayuan. Sementara itu, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman telah menetapkan supaya kes tuntutan perayu dibicarakan pada 18 Julai 1996. Ekoran penetapan tarikh perbicaraan ini, pada 8 April 1996, perayu memfail permohonan supaya prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah bertarikh 3 Januari di atas digantungkan sehingga rayuan perayu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Permohonan ini ditolak oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman dan perayu kini merayu terhadap penolakan tersebut.

Diputuskan:

Oleh Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim HMR (menyampaikan penghakiman Mahkamah):

[1] Dalam hal penggantungan ini, salah satu daripada faktor penentu yang wajar diambilkira ialah samada rayuan perayu, jika berjaya, akan menjadi sia-sia oleh kerana perintah penggantungan tidak diberikan kepadanya - iaitu sia-sia dalam ertikata perayu dilucutkan hasil kejayaannya.

[2] Adalah didapati bahawa jika perayu berjaya dalam rayuannya, penghakiman ingkar itu akan dikekalkan. Ini bererti bahawa perbicaraan pada 18 Julai 96 itu tidak lagi perlu. Kesannya ialah bahawa masa sudah terbuang dalam perbicaraan - jika ianya telah berjalan. Perayu bagaimanapun boleh terus melaksanakan penghakiman ingkar itu. Yang berlaku hanya mungkin pembaziran masa dan kos dalam penerusan perbicaraan pada 18 Julai 1996. Adalah jelas bahawa kejayaan perayu dalam rayuannya tidak tergugat dengan prosiding-prosiding selanjutnya - iaitu selepas perintah bertarikh 31 Januari 1996 itu.

[3] Berhubung rayuan perayu atas perintah 31 Januari 1996, yang mengarahkan supaya responden diberi perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 dan juga masa untuk memfailkan pembelaan, adalah nyata bahawa kesan dari ketiadaan perintah penggantungan ialah bahawa responden akan memperolehi perjanjian itu dan juga masa untuk memfailkan pembelaannya. Bagaimanapun ini semua sudah tidak bermakna lagi dengan tersiapsedianya kes itu untuk dibicarakan pada 18 Julai 1996. Begitu juga jika perintah penggantungan diberi, dimana kesannya ialah responden tidak akan memperolehi perjanjian itu dan masa untuk failkan pembelaan. Tetapi ini semua tidak akan memberi apa-apa hasil kerana kes sudah siap sedia untuk perbicaraan. Pembelaan juga telah pun difailkan. Oleh itu sia-sia sajalah untuk dikeluarkan perintah penggantungan.

[Permohonan ditolak]

*[**English** Translation of Headnotes]*

CIVIL PROCEDURE: *Court Order - Stay of Execution - Application to stay order and proceeding pending disposal of appeal - Whether should be granted - Factors for consideration - Whether appeal if successful would be rendered nugatory.*

By an agreement dated 1 January 1991, the respondent appointed the appellant as the sole distributor of its Kawasaki CBU motorcycles and the spare parts thereof. The appellant alleged that the respondent had breached the said agreement, and pursuant thereto, claimed damages for a sum exceeding RM6 million from the respondent. The respondent had lost the agreement of 1 January 1991 at the time the claim was filed, and so, to enable them to file the defence, had written to the appellant requesting for a copy of the agreement. The appellant did not entertain this request. Subsequently, on 8 November 1995, the respondent entered a Summons in Chambers seeking for an order (i) that the appellant forward them a copy of the agreement dated 1 January 1991 and (ii) that they be given leave to file defence within 14 days from the date of receipt of the said agreement.

The facts showed however that, before the hearing of the respondent's Summons in Chambers, the appellant prayed for and obtained on 16 November 1995, a judgment in default in respect of their said claim. However, on 3 January 1996, the Senior Assistant Registrar (SAR) heard the respondent's Summons in Chambers application, whereupon he allowed both the prayers therein. It was also evident that, during the said hearing on 3 January 1996, the respondent had also made an oral application for the setting aside of the judgment in default. This oral application was allowed by the SAR.

The appellant appealed against the SAR's decision of 3 January 1996 aforesaid, but the appeal was dismissed by the learned Judicial Commissioner, whereupon the appellant appealed to the Court of Appeal. Meanwhile, the learned. Judicial Commissioner had fixed 18 July 1996 as the hearing date for the appellant's claim. Pursuant to the fixing of the date, the appellant filed an application to stay further proceedings, as well as execution of the order of 3 January 1996, pending the disposal of their appeal. The application was dismissed by the learned Judicial Commissioner wherefore the appellant appealed.

Held:

Per Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim JCA (delivering the judgment of the Court):

[1] In this application for stay, one deciding factor that ought to be considered is whether the appellant's appeal, if successful, would be rendered nugatory because the appellant had been refused a stay order – nugatory in the sense that the appellant would be deprived of the proceeds of his success.

[2] It is clear that, if the appellant is successful in the appeal, the judgment in default will be maintained. This means that the hearing of 18 July 1996 is no longer necessary. The effect of this is that time would have been wasted - had the hearing been proceeded with. The appellant, however, could still proceed with the execution of the default judgment. What would have happened in proceeding with the hearing on 18 July 1996 is possibly just a waste of time and costs. The appellant's success in the appeal, thus, would not be jeopardised by the further proceedings – i.e. after the order of 31 January 1996.

[3] As for the appellant's appeal against the order of 31 January 1996, which ordered that the respondent be given the agreement of 1 January 1991 and time to file the defence, it is evident that the effect of the absence of the order for stay is that the respondent would obtain the agreement and also time to file their defence. However, all this would come to naught as the case has already been set for hearing on 18 July 1996. The result is no different if stay is given, whereby the effect would be that the respondent would not be able to obtain the agreement and time to file the defence. But this would mean nothing as the case is ready for hearing. The defence too has been filed. To issue a stay order, hence, would be an exercise in futility.

[Application dismissed]

Kes-kes yang dirujuk:
Tuan Haji Ahmad Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd.[1996] 1 CLJ 241; [1996] 1 MLJ 30 FC ***(dirujuk)***
Tang Chok Ching v. Wong Ik Tieng & Ors. [1973] 2 MLJ 25 FC ***(dirujuk)***
Bank Bumiputra (M) Bhd. v. Majlis Amanah Rakyat [I979] 1 MLJ 23 FC ***(dirujuk)***
Disney v. Longbourne (Ch.D. Vol II, p. 704) ***(tidak diikuti)***
Mohamed Mustapha v. Kandasami (No. 2) [1979] 2 MLJ 126 FC ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Yong Huan Kea; T/n. SK Yap & Ku Arzina
Bagi pihak responden - Robert Lazar; T/n Shearn Delamore & Co.

PENGHAKIMAN

Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim HMR:

Perayu di dalam rayuan ini telah memohon (melalui Notis Usul ini) supaya pelaksanaan perintah Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, bertarikh 3 Januari 1996 (perintah itu) dan prosiding selanjutnya digantungkan sehingga rayuan ini diputuskan oleh Mahkamah Rayuan ini. Perintah itu, yang dieksibitkan sebagai "CBH-9" dalam affidavit sokongan bagi permohonannya ini, mengarahkan perayu memberi kepada responden sesalinan perjanjian bertarikh 1 Januari 1991. Seterusnya perintah itu membenarkan

responden memfailkan pembelaannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian itu diterima. Melalui perintah itu juga, penghakiman ingkar bertarikh 16 November 1995 diketepikan.

Adalah jelas dari perintah itu bahawa ianya dibuat setelah Penolong Kanan Pendaftar itu membicarakan Saman Dalam Kamar bertarikh 8 November 1995 (Eks. "CBH-6"). Dipohon, melalui Saman Dalam Kamar itu, agar perayu diberi perjanjian bertarikh 1 Januari 1991. Dipinta juga tempoh masa satu bulan dari tarikh penerimaan perjanjian itu bagi membolehkan perayu memfailkan pembelaannya.

Perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 itu dirujuk oleh perenggan 3 Penyata Tuntutan perayu (Eks. "CBH-1"). Melalui perjanjian itu responden telah melantik perayu sebagai pengedar tunggal motosikal-motosikal dan barang-barang ganti Kawasaki CBU kepunyaan responden. Terma-terma dan syarat-syarat perlantikan ini terdapat dalam perjanjian itu. Dan mengikut salah satu daripada terma-terma itu, responden berjanji tidak akan melantik orang lain selain daripada perayu sebagai pengedar. Responden, bagaimanapun, mencabuli terma ini dengan melantik beberapa orang lain sebagai pengedar. Ini mengakibatkan perayu mengalami kerugian dan kehilangan untung. Justeru itu perayu menuntut RM6,127,779 dan gantirugi kerana kemungkiran kontrak disamping faedah dan kos.

Kerana pegawai yang mengendalikan perkara ini telah pulang ke Jepun, responden telah gagal menemui perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 itu. Memandangkan tuntutan perayu adalah berasaskan terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam perjanjian itu, responden telah, melalui telefon, memohon daripada perayu sesalinannya. Empat hari kemudian (24 Oktober 1995) responden, melalui surat pula, meminta sesalinan perjanjian itu. Surat itu tidak dijawab. Sesalinan perjanjian itu tidak diberi. Pada 7 November 1995 responden menghantar facsimile memperingatkan perayu. Namun demikian, jawaban tidak tiba. Bayang perjanjian itupun tidak kelihatan. Lantas dibuat Saman Dalam Kamar itu.

Mengikut perayu pula, surat responden bertarikh 24 Oktober 1995 telah dijawab melalui surat perayu bertarikh 26 Oktober 1995 (Eks. "CBH-3"). Ketara dari "CBH-3" itu yang responden dikehendaki memfailkan pembelaannya dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pada 8 November 1995 Peguam perayu telah memaklumkan Peguam responden ketika itu (melalui surat yang dieksibitkan sebagai "CBH-4") bahawa perayu akan memasukkan penghakiman ingkar terhadap responden jika pembelaan tidak difailkan dalam tempoh masa 7 hari dari tarikh 8 November 1995. Responden gagal memasukkan pembelaannya dalam tempoh masa itu. Perayu kemudiannya memasukkan penghakiman ingkar pada 16 November 1995.

Responden pula telah, pada 8 November 1995, memasukkan Saman Dalam Kamar yang disebutkan dalam perenggan 2 di atas, Saman Dalam Kamar itulah yang menzahirkan perintah bertarikh 3 Januari 1996 yang kini menjadi subjek permohonan perayu iaitu untuk digantungkan pelaksanaannya.

Dari perintah bertarikh 3 Januari 1996 itu, nyatalah bahawa perintah mengenepikan penghakiman ingkar dibuat atas permohonan lisan responden. Saman Dalam Kamar bertarikh 8 November 1995 tidak mengandungi permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar. Dikatakan oleh perayu bahawa permohonan lisan itu tidak disokong oleh apa-apa affidavit atas merit (Perenggan 10 affidavit menyokong perayu di muka surat 10 Rekod Notis Usul).

Perayu telah membuat rayuan atas perintah bertarikh 3 Januari 1996 itu. Rayuan itu telah ditolak oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, perayu merayu pula ke Mahkamah Rayuan ini. Sementara itu Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman telah menetapkan 30 April 1996 dan 18 Julai 1996 untuk perbicaraan kes ini. Kerana demikian, perayu telah, pada 8 April 1996, memfailkan permohonan agar prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah bertarikh 3 Januari 1996 itu digantungkan sehingga rayuan perayu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan ini. Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman menolak permohonan itu. Justeru itu perayu membuat permohonan di dalam Notis Usul ini.

Dalam penghujahannya, Peguam terpelajar perayu merujuk kepada kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd.* [1996] 1 CLJ 241; [1996] 1 MLJ 30 FC. Mengikut kes itu, Yang Arif Hakim Bicara telah mengekalkan penghakiman ingkar setelah memansuhkan perkataan-perkataan "daily rests basis" daripada penghakiman itu. Ini dilakukan oleh Yang Arif Hakim walaupun tiada permohonan responden dihadapannya dan Peguam-peguam kedua-dua pihak telah tidak didengar oleh Yang Arif Hakim mengenai meritnya. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perbuatan Yang Arif Hakim itu adalah suatu kepincangan prosedur dan atas alasan ini sahaja, penghakiman Yang Arif Hakim itu tidak boleh dipertahankan. Selanjutnya, Peguam terpelajar perayu menekankan bahawa kes *Tang Chok Ching v. Wong Ik Tieng & Ors.* [1973] 2 MLJ, 25 FC dan kes *Bank Bumiputra (M) Bhd. v. Majlis Amanah Rakyat* [I979] 1 MLJ, 23, FC menunjukkan bahawa affidavit atas merit iaitu affidavit yang menyatakan fakta-fakta yang menunjukkan suatu pembelaan atas merit mestilah dikemukakan jika penghakiman ingkar itu adalah teratur (regular). Menyentuh perenggan 7 di muka surat 26 affidavit menyokong perayu, iaitu mengenai permohonan responden untuk perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 Peguam terpelajar perayu menggunapakai kes *Disney v. Longbourne* (Ch. D Vol. II p. 784) dan menganjurkan bahawa responden boleh menggunakan prosedur interogatori setelah memasukkan pembelaannya.

Jawaban Peguam terpelajar responden memperagakan ketiadaan pliding dalam kes *Disney* seperti terdapat dalam rayuan ini, iaitu perjanjian berkenaan diplidkan dalam penyata tuntutan. Dalam hal ini Mahkamah ini bersependapat dengan Peguam terpelajar itu dan kerana itu kes *Disney* ini tidak terpakai.

Peguam terpelajar responden seterusnya mengatakan bahawa rayuan perayu tidak akan menjadi sia-sia (negatory) walaupun pelaksanaan perintah itu tidak digantungkan. Mengikut Peguam terpelajar itu, pembelaan dan tuntutan balas telahpun difailkan walaupun perjanjian itu masih belum diberi kepada responden. Mahkamah Tinggi telah juga menetapkan tarikh bicara pada 18 Julai 1996.

Dalam hal penggantungan ini, salah satu daripada faktor penentu yang wajar diambilkira ialah samada rayuan perayu, jika berjaya, akan menjadi sia-sia oleh kerana perintah penggantungan tidak diberikan padanya - sia-sia dalam ertikata perayu dilucutkan hasil kejayaannya (*Mohamed Mustapha v. Kandasami (No. 2)* [1979] 2 MLJ 126 FC). Berlatar belakangkan prinsip ini, Mahkamah ini dapati jika perayu berjaya dalam rayuannya penghakiman ingkar itu akan dikekalkan. Ini bererti bahawa perbicaraan pada 18 Julai 1996 itu tidak lagi perlu. Kesannya ialah bahawa masa sudah terbuang dalam perbicaraan jika ianya telah berjalan. Perayu bagaimanapun boleh terus melaksanakan penghakiman ingkar itu. Yang berlaku hanya mungkin pembaziran masa dan kos dalam penerusan perbicaraan pada 18 Julai 1996. Kejayaan perayu dalam rayuannya tidak tergugat dengan prosiding-prosiding selanjutnya iaitu selepas perintah bertarikh 3 Januari 1996 itu.

Beredar kepada rayuan perayu atas perintah 3 Januari 1996 yang mengarahkan supaya responden diberi perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 dan juga masa untuk memfailkan pembelaan, Mahkamah ini dapati kesan dari ketiadaan perintah penggantungan ialah responden akan memperolehi perjanjian itu dan juga masa untuk memfailkan pembelaannya. Bagaimanapun ini semua sudah tidak bermakna lagi dengan tersiapsedianya kes itu untuk dibicarakan pada 18 Julai 1996. Begitu juga, jika perintah penggantungan diberi. Kesan dari perintah penggantungan diberi itu ialah responden tidak akan memperolehi perjanjian itu dan masa untuk failkan pembelaan. Tetapi ini semua tidak akan memberi apa-apa hasil kerana kes sudah siap sedia untuk perbicaraan. Pembelaan juga telahpun difailkan. Oleh itu sia-sia sajalah untuk dikeluarkan perintah penggantungan.

Bersandarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini sebulat suara menolak permohonan perayu untuk menggantungkan prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah bertarikh 3 Januari 1996.

Dilaporkan oleh W.A. Sharif